


PERKEMBANGAN POLITIK - EKONOMI DI MALAYSIA DAN ASIA TIMUR



Editor

Mohd Faisal Syam Abdol Hazis

Ahmad Nizar Yaakub

Ahi Sarok



Cetakan Pertama 2004
© Mohd Faisal Syam Abdol Hazis,
Ahmad Nizar Yaakub,
Ahi Sarok

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit, Universiti Malaysia Sarawak terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh
Syarikat Perusahaan Dayamin
Lot 143, 1st Floor, Abell Road,
93100 Kuching, Sarawak.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis, 1974-
Perkembangan Politik-ekonomi di Malaysia dan Asia Timur /
Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis, Neilson Ilan Mersat, Ahi Sarok.
ISBN: 983-9257-12-9
1. Malaysia-Politics and government-Congresses 2. Malaysia-Economics conditions congresses.
3. East-Economics conditions congresses. 4. East Asia-Politics and government-Congresses.
I. Neilson Ilan Mersat. II. Ahi Sarok, 1957-. III. Judul.
3209595

KANDUNGAN

Pendahuluan	vii - xiii
1 Demokrasi Digital di Malaysia <i>Mohd Faisal Syam Abdol Hazis</i>	1 - 19
2 Dasar Luar Malaysia: Suatu Kritikan <i>Ahmad Nizar Yaakub</i>	20 - 36
3 Pendatang Asing Tanpa Izin di Malaysia: Implikasi dan Cabaran <i>Ahi Sarok</i>	37 - 53
4 Dasar Negara Ke Arah Keselamatan Maritim <i>Ahi Sarok</i>	54 - 65
5 Pembangunan ICT untuk Masyarakat Luar Bandar: Cabaran dan Peluang dalam Merealisasi Projek ICT di Dataran Bario, Sarawak <i>Poline Bala</i>	66 - 78
6 Pendemokrasian di Asia Tenggara: Satu Tinjauan Umum Terhadap Pilihan raya di Malaysia, Filipina, Kampuchea dan Indonesia. <i>Neilson Ilan Mersat dan Noor'ain Aini</i>	79 - 99

- 7 Cabaran dalam Merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) 100 - 111
Ahmad Nizar Yaakub
- 8 Integrasi Ekonomi: Langkah Ke Arah Mengulangi "Keajaiban Ekonomi" ASEAN? 112 - 124
Noor'ain Aini
- 9 Peranan Rejim Alam Sekitar ASEAN Dalam Menangani Masalah Alam Sekitar 125 - 141
Wan Nor H Wan Zan
- 10 PBB, ASEAN dan Timor Timur 142 - 152
Suseela Devi Chandran
- 11 Perang Dingin di Asia? Satu Tinjauan Hubungan Amerika Syarikat-China Selepas Insiden 1 April 2001. 153 - 164
Suseela Devi Chandran

PENDAHULUAN

Buku bertajuk Perkembangan Politik-Ekonomi di Malaysia dan Asia Timur ini mengandungi sebelas artikel yang telah dihasilkan oleh para pensyarah dari Program Kajian Politik dan Pemerintahan dan Program Kajian Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak. Artikel-artikel yang terkandung di dalam buku ini merupakan himpunan artikel-artikel yang telah dibentangkan oleh mereka dalam dua seminar dalaman yang bertajuk Politik Malaysia dan Isu-isu Serantau. Seminar pertama telah diadakan pada 22 Januari 1999 manakala seminar kedua pula berlangsung pada 14 Julai 2001.

Perubahan drastik yang berlaku pada penghujung tahun 1990-an dan alaf baru baik di Malaysia mahupun ASEAN telah mendesak perlunya diadakan lebih banyak perbincangan secara kritis untuk menilai arah tuju perkembangan politik dan ekonomi di rantau ini.

Dalam konteks Malaysia, keutuhan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas dan berdaulat turut diuji di peringkat domestik. Krisis kewangan dan ekonomi yang telah melanda Malaysia pada penghujung 1997 telah memaksa Malaysia mengambil beberapa langkah drastik dalam usahanya untuk memulihkan ekonomi sehingga mendatangkan kecaman dari pihak luar. Dalam kesibukan menangani masalah ekonomi negara, masyarakat dikejutkan dengan pelucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim atas tuduhan rasuah dan tidak bermoral. Rusuhan atas nama reformasi diadakan dalam usaha kelompok tertentu untuk menumbangkan kerajaan yang sedia ada.

Namun demikian, Malaysia terus mengamalkan pemerintahan demokrasi dan memberi keutamaan kepada rakyat untuk memilih tumpuk pemerintahan. Pilihan raya Negeri Sabah dan Parlimen yang diadakan pada 1999 yang berjalan dengan lancar telah menunjukkan bahawa demokrasi masih utuh di Malaysia.

Dalam konteks ASEAN pula, krisis kewangan dan ekonomi yang pada mulanya melanda Thailand telah merebak hampir kesemua negara terutamanya di rantau Asia Tenggara. Keadaan ini mendorong setiap negara mengambil langkah tersendiri dalam usaha menyelesaikan masalah ekonomi mereka.

Pertengahan tahun 1998, masyarakat antarabangsa digemparkan dengan reformasi politik di Indonesia iaitu demonstrasi pelajar secara aman bertukar menjadi rusuhan ganas yang melibatkan pertumpahan darah. Kejatuhan pemerintahan Suharto setelah berkuasa selama 33 tahun memberi petanda awal kepada negara-negara Asia Tenggara terutamanya tentang kesedaran pemulihian politik dan kesedian untuk menerima perubahan. Sementara itu pada tahun 1999 menyaksikan Timor Timur mendapat hak untuk merdeka daripada pemerintahan pusat di Indonesia.

Alaf baru telah menyaksikan perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat yang menyebabkan proses globalisasi semakin hebat. Sempadan dunia semakin kabur dan maklumat mengalir tanpa sekatan dalam semua aspek kehidupan malahan politik. Tuntutan terhadap ketelusan pemerintahan negara semakin mendapat perhatian umum. Pada asasnya, rakyat menuntut kerajaan yang telus dalam segala tindakan dan dasar yang dilaksanakan. Di samping itu, kuasa bukan lagi hanya terletak pada kerajaan yang memerintah tetapi juga rakyat. Perpindahan kuasa atau memperkasakan rakyat sudah tentunya menyumbang kepada kerajaan yang lebih telus dan bertanggungjawab.

Kandungan buku ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama membicarakan topik yang menyentuh perkembangan politik dalam era digital serta beberapa perkembangan dalam dasar awam negara termasuk dasar luar, dasar terhadap pendatang tanpa izin, dasar terhadap maritim negara dan usaha kerajaan untuk memperkembangkan pembangunan ICT kepada masyarakat di luar bandar di Malaysia. Manakala bahagian kedua pula membincangkan perkembangan ekonomi yang berlaku di rantau ASEAN dan Asia Timur.

Terdapat lima artikel dimuatkan dalam bahagian pertama. Artikel pertama berjudul “Demokrasi digital di Malaysia” yang ditulis oleh Mohd Faisal Syam membincangkan tentang potensi dan cabaran yang dibawa oleh internet dalam memberi ruang yang lebih besar kepada rakyat untuk bersuara dalam proses demokrasi. Artikel ini pada awalnya melihat evolusi konsep dan amalan demokrasi sejak zaman Aristotle sehingga kewujudan demokrasi digital. Perbincangan seterusnya kepada aspek peranan dan potensi internet dalam mencorakkan semula sistem demokrasi dengan kes kajian di Malaysia.

Artikel ini kemudiannya cuba melihat cabaran yang dihadapi oleh sesebuah negara dalam melaksanakan demokrasi digital terutamanya kepada persoalan kemampuan rakyat mengakses internet dan kesungguhan kerajaan bersikap lebih terbuka dan bebas dalam mengawal maklumat.

Artikel kedua berjudul “Dasar Luar Malaysia: Suatu Kritikan” oleh Ahmad Nizar Yaakub membincangkan perkembangan politik di Malaysia khususnya dasar luar negara. Artikel ini cuba membincangkan dasar luar Malaysia dari aspek konsep dan juga historikal. Artikel cuba meneliti konsep serta matlamat dasar luar secara umum. Seterusnya, beliau membincangkan tentang proses penggubalan dasar luar bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan juga bukan demokrasi. Setelah penulis menjelaskan konsep dasar luar secara umum, beliau kemudiannya cuba menganalisis pendekatan dasar luar yang diamalkan oleh kerajaan di bawah empat Perdana Menteri Malaysia yang berbeza. Penganalisaan penulis terhadap dasar luar Malaysia ini bertujuan untuk menjelaskan pelbagai faktor yang berperanan dalam membentuk dasar luar negara.

“Pendatang Tanpa Izin di Malaysia: Implikasi dan Cabaran” tulisan Ahi Sarok pula membincangkan faktor-faktor yang menarik pendatang tanpa izin datang ke Malaysia. Aspek yang dikaji dalam penulisan ini adalah implikasi kedatangan pendatang tanpa izin terhadap negara dalam konteks peningkatan kadar jenayah, setinggan, beban kos terhadap perkhidmatan awan seperti pendidikan dan perubatan. Kebanjiran pendatang tanpa izin di Malaysia telah menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah drastik dalam membendung kemasukan mereka.

Antara langkah-langkah kerajaan yang dibincangkan oleh penulis artikel ini adalah pindaan terhadap Akta Imigresen 1959 yang mengetarkan kawalan dan hukuman terhadap pendatang tanpa izin, program pemutihan, penyerahan diri pendatang tanpa izin tanpa sebarang hukuman dan peningkatan operasi menyekat kedatangan pendatang tersebut. Di samping itu, aspek moral petugas awam dan kerjasama dua hala dalam mengawal kemasukan pendatang tanpa izin juga dibincangkan. Perlu difahami bahawa semua tindakan kerajaan dalam menangani isu pendatang tanpa izin ini bertujuan untuk menjaga kepentingan nasional dan kedaulatan negara.

Artikel keempat iaitu “Dasar Negara Ke Arah Keselamatan Maritim” mengupas beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan Malaysia dalam menjaga keselamatan di perairan negara supaya ia lebih selamat digunakan. Artikel ini dibahagikan kepada tiga

bahagian yang utama. Bahagian pertama membincangkan kepentingan maritim kepada negara. Menurut penulisnya, Ahi Sarok, kawasan maritim mempunyai dua kepentingan kepada negara; iaitu kepentingan strategik dan kepentingan ekonomi. Kawasan maritim negara merupakan laluan kapal yang strategik dan hampir 90 peratus perdagangan negara melalui laluan laut sama ada Selat Melaka atau Laut China Selatan. Kawasan maritim yang kaya dengan sumber asli turut menyumbang kepada pertumbuhan negara, di samping itu kawasan maritim khususnya pulau-pulau yang ada di kawasan maritim berupaya menjadi tarikan pelancong sama ada pelancong dari luar atau dalam negara. Terdapat beberapa isu yang menjadi cabaran dalam mengekalkan keselamatan perairan negara, iaitu pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing dan juga oleh pendatang tanpa izin, dan juga Angkatan Laut - Tentera Nasional Indonesia. Pencemaran juga merupakan isu utama yang dibincangkan, iaitu pencemaran ini berpunca daripada perlanggaran kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka dan laluan perkapalan yang lain. Isu terakhir yang dibincangkan ialah penyeludupan yang berlaku di perairan negara.

Oleh kerana pelbagai isu yang timbul dalam menjamin keselamatan perairan negara, kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif. Langkah-langkah tersebut termasuklah menyertai Konvensyen Undang-undang Laut, melaksanakan sistem Kawalan Laut di Selat Melaka yang berkonsepkan pengawasan melalui radar, dan meningkatkan keupayaan agensi penguatkuasaan.

Artikel kelima dalam bahagian pertama buku ini ditulis oleh Poline Bala yang berjudul “Pembangunan ICT untuk Masyarakat Luar Bandar, Cabaran dan Peluang Dalam Merealisasi Projek ICT di Dataran Bario, Sarawak” membincangkan cabaran yang wujud dalam usaha membangunkan ICT di kawasan terpencil iaitu Dataran Bario, di pedalaman Sarawak. Masalah kekurangan kemudahan asas seperti jalan raya, alat komunikasi dan prasarana yang lain turut menyumbang kepada masalah tersebut. Artikel ini juga menerangkan beberapa masalah yang dihadapi oleh para pengkaji dalam membuat kajian tentang persepsi masyarakat bandar terhadap pembangunan ICT di Dataran Bario.

Bahagian kedua buku ini yang mengandungi enam artikel membincangkan perkembangan politik dan ekonomi di ASEAN dan Asia Timur. Artikel pertama iaitu “Pendemokrasian di Asia Tenggara: Satu Tinjauan Umum Terhadap Pilihan raya di Malaysia, Filipina, Kampuchea dan Indonesia” membincangkan secara khusus pilihan raya yang diadakan di empat buah negara ASEAN sebagai salah satu aspek

penting dalam proses pendemokrasian. Sesebuah negara yang tidak memberi kuasa kepada rakyatnya untuk memilih kerajaan melalui pilihan raya sering dikatakan tidak demokratik, walaupun pilihan raya diadakan tapi tidak dijalankan dengan adil dan bebas ia tetap dianggap tidak demokratik. Artikel itu menyatakan unsur-unsur demokrasi seperti pilihan raya tetap diadakan dan berkembang di Asia Tenggara walaupun sedang menghadapi krisis ekonomi dan kewangan. Melalui proses pilihan raya, jelas bahawa rakyat di keempat-empat negara tersebut masih menganggap bahawa sistem pemerintahan dan kerajaan demokrasi adalah yang paling sesuai buat mereka. Kehadiran pemerhati antarabangsa dalam pilihan raya di Kampuchea dan keputusan pilihan raya di Malaysia, Indonesia dan Filipina juga telah dapat diterima oleh semua pihak yang bertanding serta diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa amnya.

“Cabaran dalam Merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)” tulisan Ahmad Nizar Yaakub merupakan artikel kedua dalam bahagian ini. Artikel ini membincangkan tentang susur galur penubuhan AFTA dan cabaran yang dihadapi dalam usaha menjadikan kawasan perdagangan bebas ini suatu realiti. Artikel ini mengenal pasti beberapa isu serta cabaran yang perlu dipandang serius serta ditangani oleh negara anggota ASEAN dalam memastikan kejayaan AFTA.

Artikel “Integrasi Ekonomi ASEAN: Langkah Ke Arah Mengulangi Keajaiban Ekonomi” ASEAN? tulisan Noor’ain Aini membincangkan sama ada kejayaan ekonomi negara-negara ASEAN sebelum krisis ekonomi dan kewangan yang bermula penghujung 1997 dapat diulangi semula. Kejayaan ekonomi ASEAN pada awal dan pertengahan dekad 90-an dianggap bukan sebagai keajaiban atau kebetulan tetapi lebih kepada kesungguhan, usaha giat dan dasar-dasar kerajaan negara ASEAN yang pragmatik. Artikel ini turut membincangkan komitmen dan tindakan positif anggota-anggota ASEAN meneruskan integrasi ekonomi dengan meneruskan konsep AFTA dan bukan mengasingkan diri walaupun menghadapi krisis ekonomi dan kewangan. Di samping itu, aspek-aspek lain dalam meningkatkan integrasi ekonomi ASEAN turut dibincangkan dalam artikel ini seperti Skim Kerjasama Industri ASEAN (AICO), Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) dan inisiatif e-ASEAN.

Artikel keempat “Peranan Rejim Alam Sekitar ASEAN Dalam Menangani Masalah Alam Sekitar” cuba menganalisis peranan yang dimainkan oleh regim alam sekitar dalam mengatasi masalah alam sekitar di rantau ini. Isu penting yang disentuh oleh penulis artikel, Wan

Noor Halizan, ialah kesan pembalakan hutan hujan tropika ke atas negara di rantau ASEAN. Di samping itu, usaha-usaha untuk menubuh regim alam sekitar di ASEAN turut dibincangkan dengan lebih lanjut. Menurut penulis, ASEAN telah mula sedar kepentingan menjaga dan memulihara alam sekitar selepas hampir semua negara ASEAN dilanda jerebu pada September 1997 hingga 1998 disebabkan oleh kebakaran hutan yang melanda Sumatera dan Kalimantan. Akibat daripada itu, negara ASEAN telah merangka kerjasama di kalangan ahlinya. Tetapi menurut penulis, kerjasama itu kurang berjaya kerana kebanyakan ahli tidak sanggup menerima perjanjian ketat yang dikenakan.

Manakala dalam artikel berjudul “PBB, ASEAN dan Timor Timur”, tulisan Suseela Devi Chandran, cuba menganalisis pergolakan politik yang tercetus di Timor Timur setelah ia diberi kemerdekaan oleh mantan Presiden Indonesia, B. J. Habibie. Artikel ini membincangkan dengan mendalam latar belakang konflik di Timor Timur dari perspektif sejarahnya, bagaimana Portugis pada tahun 1520 telah menakluki Timor Timur dan kemudiannya oleh empat kuasa asing iaitu Sepanyol, Belanda, British dan Jepun. Pada 27 Julai 1976 wilayah Timor Timur telah jatuh ke tangan Indonesia. Konflik Timor Timur berpunca dari tuntutan kebebasan oleh penduduk Timor Timur dan keengganan kerajaan Indonesia untuk mengiktiraf tuntutan tersebut. Pendekatan ketenteraan yang digunakan oleh kerajaan Indonesia terhadap penduduk Timor Timur menjadi kemuncak konflik tersebut. Turut dibincangkan dalam artikel ini ialah peranan yang dimainkan oleh PBB dalam menyelesaikan kemelut politik di Timor Timur. Walaupun PBB telah menghadapi beberapa masalah dalam menyelesaikan konflik di Timor Timur, penulis berpendapat bahawa sumbangan PBB dalam menyelesaikan konflik di wilayah tersebut tidak seharusnya diperkecilkan.

Peranan ASEAN dalam meredakan konflik di wilayah Timor Timur turut dianalisis. Menurut penulis, Timor Timur telah memohon bantuan dari organisasi antarabangsa dan bukan dari ASEAN kerana ASEAN masih belum bersedia sepenuhnya untuk berdepan dengan isu-isu yang strategik. Lagipun salah satu dari negara ASEAN, Indonesia merupakan pihak yang terbabit di dalam konflik tersebut.

Artikel terakhir dalam bahagian kedua buku ini ialah “Perang Dingin di Asia? Satu Tinjauan Hubungan Amerika Syarikat-China Selepas Insiden 1 April 2001” tulisan Suseela Devi Chandran. Artikel ini cuba membincangkan situasi tegang di Asia Timur - hubungan Amerika Syarikat-China. Insiden pelanggaran kapal terbang pengintip kepunyaan tentera Amerika Syarikat dan kapal terbang

kepunyaan tentera China yang berlaku pada 1 April 2001 membawa dimensi baru dalam hubungan Amerika Syarikat dan China. Bahagian awal artikel ini memberi gambaran strategik rantau Asia Timur selepas tamatnya Perang Dingin dan diikuti dengan satu tinjauan terhadap hubungan AS-China selepas berlakunya Perang Dingin. Artikel ini juga menganalisis kesan insiden pertembungan kapal perang tentera kedua-dua negara yang berlaku pada 1 April 2001 terhadap hubungan AS-China. Di bahagian akhir artikel ini cuba menilai hubungan AS-China dari dua perspektif. Perspektif pertama ialah sama ada hubungan tersebut berbentuk persaingan dan perspektif kedua sama ada hubungan tersebut berbentuk kerjasama.

Penerbitan buku ini diharap boleh dijadikan bahan rujukan berguna kepada para pelajar dalam bidang Sains Politik, Sains Dasar dan Kajian Antarabangsa, khususnya kepada pelajar yang memerlukan bahan rujukan yang ditulis dalam Bahasa Melayu.

PENDEMOKRASIAN DI ASIA TENGGARA: SATU TINJAUAN UMUM TERHADAP PILIHAN RAYA DI MALAYSIA, FILIPINA, KAMPUCHEA DAN INDONESIA

Neilson Ilan Mersat dan Noor' ain Aini

Pengenalan

Artikel ini akan membincangkan isu-isu serta cabaran pendemokrasian di rantau Asia Tenggara khasnya pada dekad 1990-an. Fokus utama artikel ini ialah terhadap kepimpinan, pembentukan kerajaan dan juga pilihan raya. Untuk itu, empat buah negara akan dibincangkan, iaitu Indonesia, Malaysia, Kampuchea dan Filipina. Keempat-empat negara tersebut dijadikan fokus kajian kerana kesemuanya telah melalui proses penting dalam pendemokrasian, iaitu mengadakan pilihan raya sebelum tibanya alaf 2000. Ini sekaligus memberi peluang kepada rakyat untuk menentukan pemimpin dan mengekalkan corak pemerintahan pilihan mereka.

Pilihan raya dan Pendemokrasian

Isu pendemokrasian menjadi semakin penting untuk dibincangkan terutama sekali selepas berakhirnya Perang Dingin antara blok barat dan timur. Hubungan yang pada suatu ketika begitu tegang dan renggang serta banyak mempengaruhi interaksi di peringkat antarabangsa, kini

bukan lagi menjadi penghalang ke arah pembentukan sesebuah negara demokrasi. Proses pendemokrasian pula bukanlah sesuatu yang baru malah telah diusahakan oleh beberapa buah negara di Asia dan juga di benua lain seperti Amerika Selatan dan Afrika. Misalnya, negara-negara Amerika Latin seperti Chile dan Peru ataupun negara yang lebih dikenali sebagai pemerintahan *bureaucratic authoritarianism* telah berusaha untuk menjadikan negara-negara tersebut sebagai negara demokrasi bermula pada awal dekad 1980-an. Perkembangan di negara-negara Eropah Selatan dan Amerika Latin ini telah mendorong sarjana politik seperti Huntington (1990) untuk menyatakan bahawa gelombang ketiga demokrasi telah berlaku.

Pendemokrasian juga dikaitkan dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Pendapat ini menyatakan bahawa sesebuah negara itu mungkin akan lebih cenderung untuk menjadi negara demokrasi sekiranya ekonomi negara tersebut kukuh dan maju. Walaupun pandangan ini sering dipertikaikan, tetapi jelas bahawa dalam keadaan tertentu kesuburan demokrasi mempunyai korelasi yang positif dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Menurut pendapat yang berlainan, terdapat empat prasyarat kepada proses pendemokrasian di Asia,¹ pertama ialah krisis keabsahan rejim-rejim lama yang sedia ada memerintah seperti Korea Selatan, Taiwan, Filipina di bawah Marcos dan Indonesia di bawah Suharto. Kedua, perkembangan ekonomi yang berterusan untuk membentuk kelas menengah dan akhirnya masyarakat civil. Ketiga, pengiktirafan kepada masyarakat civil yang memainkan peranan yang bertanggungjawab seperti untuk mewujudkan pemerintahan alternatif. Keempat ialah isu kepimpinan sama ada untuk terus menekan rakyat ataupun mengizinkan perpindahan kuasa dengan licin dan aman (Girling, 1998). Isu pendemokrasian di Asia semakin popular apabila negara-negara di rantau ini bertambah membangun dan maju. Persoalan yang sering dibangkitkan ialah apakah transformasi ekonomi telah membawa kepada perubahan politik seperti membuka lebih banyak ruang untuk penglibatan rakyat?

Pendemokrasian boleh diertikan sebagai usaha ataupun proses ke arah pembentukan sesebuah negara demokrasi. Menurut Boutros Boutros Gali (1996), pendemokrasian ialah proses pembukaan yang membawa kepada lebih penglibatan masyarakat serta pengurangan ciri-ciri pemerintahan kuku besi.

¹ Untuk perbincangan lanjut mengenai pendemokrasian di Singapura, sila rujuk Heng Hiang King (1997).

"Democratisation is a process which leads to a more open, more participatory, less authoritarian society. Democracy is a system of government which embodies, in a variety of institutions and mechanisms, the ideal of political power based on the will of the people."

Dalam proses pendemokrasian, prinsip penting demokrasi mula ditanam dan disemai di kalangan rakyat dan juga pemimpin. Pilihan raya sering dijadikan pengukur untuk menilai sama ada sesebuah negara itu mengamalkan demokrasi atau tidak. Sesebuah negara sering diandaikan sebagai tidak demokratik sekiranya rakyat tidak diberi kuasa untuk memilih kerajaan melalui pilihan raya.

Lebih daripada itu, sesebuah negara itu juga dikatakan tidak demokratik sekiranya pilihan raya tidak diadakan dengan adil dan bebas. Misalnya, rakyat dikatakan tidak bebas mengundi, media massa dikenakan sekatan dan pelbagai bentuk kawalan lain yang boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya supaya ia lebih memihak kepada kumpulan tertentu. Lantaran itu, pilihan raya dianggap sebagai mekanisme yang begitu penting untuk menjamin kesuburan demokrasi dalam sesebuah negara. Negara-negara yang akan dibincangkan di dalam artikel ini iaitu Filipina (1998), Kampuchea (1998), Indonesia (1999) dan Malaysia (1999) telahpun melalui proses pilihan raya tersebut.

Senario di Asia Tenggara

Kegawatan ekonomi yang melanda hampir kesemua negara di Asia, khususnya di Asia Tenggara, menyebabkan pengalaman di akhir abad ini begitu pahit sekali. Satu pendapat menyatakan bahawa krisis tersebut juga menguji kekuahan atau kerapuhan ekonomi di rantau ini. Krisis kewangan yang dihadapi oleh negara-negara rantau Asia Tenggara membuktikan bahawa 'keajaiban ekonomi' yang dinikmati oleh negara-negara tersebut mempunyai asas yang goyah serta tidak kukuh. Misalnya, pertumbuhan ekonomi Malaysia dan Thailand banyak bergantung kepada sumber luar seperti modal dan juga tenaga buruh asing (Jomo, 1998: 21).

Jelas sekali bahawa sebahagian besar daripada negara yang terlibat tidak terdaya untuk memulihkan ekonomi tanpa bantuan pihak luar seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Namun demikian, terdapat juga negara yang menolak bantuan yang dicadangkan oleh IMF. Antara sebab penolakan tersebut ialah kerana ia dikatakan lebih bersifat mengongkong serta mengancam kedaulatan sesebuah negara, sekurang-kurangnya dalam aspek ekonomi. Andaian ini adalah berdasarkan

pengalaman negara-negara yang pernah mendapat bantuan IMF. Negara-negara tersebut dikatakan menjadi lebih miskin dan pada masa yang sama tunduk kepada kehendak-kehendak IMF yang dalam banyak keadaan mencabar kedaulatan negara yang dibantu. Menurut pendapat ini;

The standard IMF prescription for all the economic ills of nations - high interest rates, balanced budgets and adjustments of current external payments are not only shortsighted but also fail to recognise the great differences in the economies of the respective countries. To the IMF, the means are given first priority while the results are regarded as secondary, or even quite irrelevant (Mahathir, 1999: 101).

Pada masa yang sama, keutuhan negara bangsa di rantau ini turut dicabar oleh gejolak globalisasi. Maklumat mengalir begitu bebas dan sukar untuk dikawal atau ditapis oleh kerajaan. Ini secara tidak langsung bermakna kesetiaan rakyat yang selama ini tertumpu kepada negara dan kerajaan akan turut tercabar. Selain menjadikan sempadan antarabangsa kian kabur, proses globalisasi juga mencabar kuasa negara. Liberalisasi kewangan pula menyebabkan negara tidak mempunyai daya kawalan dan ini boleh melahirkan krisis seperti yang dialami oleh Malaysia dan Korea Selatan (Jomo, 1998: 23).

Proses globalisasi juga membuatkan negara tidak lagi menjadi entiti politik yang penting tetapi sebaliknya digantikan oleh badan-badan korporat. Aktor-aktor antarabangsa seperti *transnational corporations* (TNCs), *intergovernmental organisations* seperti PBB, dan juga *non-governmental organisations* (NGOs) akan memainkan peranan lebih penting (Ralph, 1996 dan Ohmae, 1995: 59-69). Meskipun dalam proses globalisasi peranan negara dikatakan kurang penting, tetapi pengalaman negara-negara di Asia Tenggara menunjukkan bahawa negara tetap memainkan peranan penting dalam mewujudkan demokrasi. Misalnya, walaupun Indonesia telah diperintah oleh kerajaan diktator sebegitu lama, tetapi gerakan reformasi dan kuasa rakyat di Indonesia berjaya mendesak pemimpin untuk kembali mengamalkan demokrasi. Ini jelas membuktikan bahawa negara-negara di Asia mampu atau ingin memilih pemimpin mengikut lunas-lunas demokrasi seperti mana yang dituntut oleh masyarakat antarabangsa.

Nilai Asia dan Pendemokrasian

Seperkara yang tidak dapat dipisahkan dalam membincangkan politik Asia ialah istilah ‘nilai Asia’ yang kerap digunakan oleh pemimpin

seperti Lee Kuan Yew dan Mahathir Mohamad untuk menghuraikan sifat pemerintah atau kerajaan dan juga masyarakat di rantau ini. Persoalan pada masa ini ialah sejauh manakah pegangan atau penghayatan nilai Asia ini memberikan sumbangan kepada pembangunan negara-negara di rantau Asia?

Menurut Mahathir Mohamad (1999), penekanan yang diberikan untuk melihat rantau ini dari sudut nilai (perspektif) Asia akan membolehkan seseorang itu lebih mungkin memahami peranan kerajaan dan juga sifat masyarakatnya. Nilai Asia tidak menolak nilai barat yang baik, tetapi ia merupakan satu *break* daripada mengadaptasikan acuan barat untuk melihat apa yang berlaku di Timur. Salah satu komponen penting nilai Asia ialah ia berorientasikan komuniti dan keluarga iaitu nilai keluarga lebih dipentingkan daripada individu. Ini adalah keterbalikan kepada nilai barat iaitu kepentingan ataupun hak individu lebih diutamakan. Menurut pendapat ini, nilai Asia menuntut agar menghormati autoriti yang dilihat sebagai penjaga kestabilan dalam sesebuah negara. Tanpa autoriti bermakna tidak akan wujud kestabilan. Namun, ini bukan bermakna ia menghalalkan kerajaan diktator. Sebaliknya autoriti seperti yang terdapat pada kerajaan diktator adalah tidak baik kerana ianya semata-mata berasaskan kesetiaan yang membuta tuli (Mahathir, 1999: 69).

Namun begitu, nilai Asia turut dikritik oleh beberapa pihak. Menurut pendapat ini, nilai Asia digunakan untuk menjustifikasi tindak tanduk pemerintah negara terhadap masyarakat. Kumpulan ini melihat nilai Asia tidak jauh bezanya dengan nilai sejagat dan mengemukakan beberapa persoalan tentang nilai Asia. Menurut pandangan ini, nilai Asia dimanipulasi untuk kepentingan politik pemerintah. Ia dianggap sebagai satu bentuk ‘candu untuk massa’. Sebaliknya pemimpin-pemimpin Asia gemar menggambarkan bahawa individualisme adalah sesuatu yang berbahaya serta perlu dikawal (Lingle, 1996: 45-49). Pemimpin-pemimpin Asia menyamakan nilai Asia dengan pemerintahan autoritarian manakala rakyat pula melihatnya lebih ke arah hubungan kekeluargaan yang kukuh, pendidikan yang baik serta semangat kerja yang gigih (Nathan, 1999).

Menurut beberapa pemimpin Asia, nilai Asia memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara-negara di Asia. Walau bagaimanapun, keruntuhan ekonomi di negara-negara Asia pada akhir dekad lepas menyebabkan nilai Asia mula dipertikaikan dan dianggap tidak lagi sesuai untuk menghuraikan kemajuan ekonomi negara-negara Asia. ‘*Asian values did not explain the tigers’ astonishing economic success, and they do not explain their astonishing economic failures* (Glazer, 1999).

Kes 1. Pilihan raya Umum Filipina, Mei 1998

Peristiwa pembunuhan Ninoy Aquino pada 21 Ogos 1983 telah mencetuskan perasaan marah rakyat Filipina terhadap rejim Marcos.² Insiden tersebut telah menyebabkan rakyat Filipina membuat protes, terutama melalui demonstrasi dengan harapan mengembalikan kuasa rakyat di negara tersebut. Berbekalkan sokongan simpati terhadap kes pembunuhan suami beliau, Corazon Aquino telah bertanding untuk jawatan Presiden pada pilihan raya negara tersebut pada tahun 1986. Walaupun keputusan yang diumumkan pemerintah memihak kepada Marcos, tetapi keputusan tersebut tidak dapat diterima oleh rakyat. Mereka mendakwa bahawa berlaku penipuan semasa pilihan raya. Akhirnya Marcos perlu akur kepada kuasa rakyat dan memberi laluan kepada Aquino untuk berkuasa. Pemerintahan Aquino yang bermula pada tahun 1986 memperlihatkan bibit-bibit awal pemulihan demokrasi di negara tersebut.

Pilihan raya pada bulan Mei 1992 juga memperlihatkan peralihan kuasa daripada Corazon Aquino kepada Fidel Ramos dengan lancar. Fidel Ramos menewaskan calon-calon Presiden yang lain dalam pilihan raya tersebut. Terdahulu daripada itu, perlumbaan negara Filipina telah dipinda untuk menghadkan seseorang Presiden itu berkuasa selama satu penggal sahaja, iaitu enam tahun.³ Tempoh Ramos menjadi Presiden Filipina tamat pada tahun 1998 dan ini memberikan laluan kepada pilihan raya untuk diadakan di negara tersebut.

Pilihan raya umum di Filipina diadakan pada bulan Mei 1998 dan dianggarkan seramai 34,163,346 penduduk berdaftar sebagai pengundi. Umur layak menjadi pengundi di negara tersebut ialah 18 tahun. Pilihan raya tersebut turut menyaksikan pelbagai parti politik bertanding untuk pelbagai jawatan daripada yang tertinggi iaitu Presiden kepada jawatan senator. Sebanyak 24 kerusi senator dan 204 kerusi *House of Representative* dipertandingkan. Kewujudan pelbagai parti politik turut mewarnai pilihan raya tersebut. Sudah tentunya perkembangan ini mencerminkan unsur demokrasi yang sihat, tambahan pula ini adalah sebahagian daripada tuntutan sebuah negara demokrasi.

Dari sudut media, jelas bahawa media di Filipina begitu bebas untuk membuat liputan tentang calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya tersebut. Ini adalah satu kelebihan kepada rakyat kerana mereka mempunyai saluran yang banyak untuk mengemukakan pendapat serta

² S. Aquino dibunuh di lapangan terbang Manila sekembali beliau dari buangan.

³ Sila rujuk Artikel VII, Section 4, Perlembagaan 1987 Republik Filipina.

meluahkan suara mereka. Media cetak dan elektronik seperti radio dan televisyen digunakan dengan sepenuhnya oleh parti-parti politik yang bertanding. Misalnya, calon-calon pilihan raya diberi peluang untuk mengemukakan isu dan berbahas di hadapan orang ramai dan disiarkan melalui media cetak dan elektronik ke seluruh negara. Ini memberikan peluang kepada rakyat untuk membuat penilaian terbaik serta melakukan pengundian dengan lebih tepat. Ini adalah satu kelainan dibandingkan dengan sesetengah negara iaitu media lebih memihak parti pemerintah.

Isu utama dalam pilihan raya ini ialah isu pembangunan negara seperti bagaimana untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat dan membebaskan diri daripada kemelut ekonomi. Perkara-perkara lain yang turut diutamakan ialah isu alam sekitar, hubungan luar dan juga pertahanan negara. Isu-isu tersebut dipaparkan di media elektronik dan media cetak serta dibincangkan secara terbuka.

Seperkara yang tidak boleh dipisahkan dalam membincangkan politik di Filipina ialah pengaruh gereja. Di Filipina, pihak gereja begitu berpengaruh dan merupakan salah satu daripada kumpulan yang bertanggungjawab terhadap penggulingan Marcos pada tahun 1984. Pada masa tersebut, Gereja Katolik telah memberikan sokongan kepada Corazon Aquino untuk mengambil alih kuasa daripada Marcos. Pihak gereja sering kali dikatakan sebagai *power broker*, iaitu penentu kepada siapa yang berkuasa dalam politik Filipina.

Walaupun ramai calon yang bertanding untuk jawatan Presiden, tetapi persaingan utama ialah di antara Joseph E. Estrada (bekas Timbalan Presiden Filipina) dan Speaker Dewan Jose de Venecia yang mendapat sokongan Ramos. Estrada dilihat sebagai calon yang popular di kalangan rakyat dan juga orang miskin (*Erap para sa mahirap*). Namun demikian, beliau tidak begitu popular di kalangan Gereja Katolik kerana dikatakan seorang yang tidak bermoral (*booze, broads and baccarat*). De Venecia pula dilihat sebagai seorang ahli politik yang bersifat tradisional atau lebih dikenali sebagai 'trapo' (*traditional politician*) (Asiaweek, 20 Feb. 1988). Calon ketiga ialah Datuk Bandar Manila, Alfredo Lim (juga dikenali sebagai *Dirty Harry*). Beliau mendapat sokongan daripada bekas Presiden Aquino yang sudah tentu mengharapkan '*Cory Magic*' berulang lagi. Sebagai seorang yang tegas dengan isu jenayah dan moral, Alfredo juga mendapat sokongan daripada pihak Gereja Katolik. Bagi jawatan Timbalan Presiden, persaingan yang hebat ialah di antara Gloria Macapagal-Arroyo (Lakas-NucD) dan Edgardo Angara (Labanng Makabayang Pilipino atau LaMMP).

Dalam pilihan raya 1998, pihak gereja turut menggunakan pengaruh mereka untuk berkempen serta menyeru pengikut-pengikutnya supaya menyokong calon yang direstu oleh mereka. Menurut Jaime Cardinal Sin, Archbishop Manila, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab beliau untuk memberitahu rakyat Filipina siapa yang harus diundi. ‘*If I do not guide my people, what kind of shepherd am I?*’ (Daily Inquirer, 30 Mac 1998).

Pihak gereja juga telah berusaha untuk menggabungkan tenaga bersama-sama dengan calon-calon Presiden yang lain seperti De Villa (Partido Para sa Demokratikong Repormia Laplang Manggawa Coalition-Reforma), Alfredo S Lim (Liberal Party-LP), Roco (Aksyon Demokratiko-Aksyon), Emilio Osmena (Progressive Movement for Development of Initiative-Promdi) dan Santiago (People’s Reform Party-PRP-Gabay-bayan) untuk menghalang kemenangan Estrada ataupun Venecia (Manila Times, 14 April 1998). Selain gereja Katolik, kumpulan-kumpulan gereja lain seperti *Iglesia ni Kristo*, *El Shaddai Prayer Movement* dan *Jesus is Lord Movement* turut menyuarakan sokongan mereka kepada calon-calon tertentu.

Pilihan raya di Filipina telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan raya (Commission on Election)⁴ dengan jayanya walaupun pada peringkat awal dikhuatiri keadaan tegang di Selatan Mindanao akan membatalkan seluruh keputusan pilihan raya tersebut. Calon presiden, Estrada memperoleh sebanyak 10,722,295 undi menewaskan pencabar terdekat iaitu De Venecia yang memperoleh 4,268,483 undi. Jawatan Timbalan Presiden dimenangi oleh Gloria Macapagal-Arroyo yang memperoleh undi sebanyak 12,667,252 manakala pencabar terdekat, Edargo Angara memperoleh 5,652,068 undi.⁵

Pemilihan Estrada sebagai Presiden baru Filipina memberikan tamparan hebat kepada pihak gereja. Secara tidak langsung, pemilihan Estrada juga mencerminkan yang rakyat Filipina tidak semestinya sepakat dengan pihak gereja dalam politik. Menjadi Presiden pada saat-saat genting bila mana negara menghadapi kemelut ekonomi bukanlah satu perkara yang mudah. Cabaran utama Estrada ialah bagaimana untuk memulihkan ekonomi Filipina yang turut mengalami kegawatan seperti negara-negara Asia yang lain. Selain mengekalkan prasarana politik iaitu demokrasi, cabaran lain yang lebih berat ialah bagaimana hendak mendapatkan keyakinan pelabur-pelabur luar untuk

⁴ Artikel IX, Perlembagaan Filipina.

⁵ Keputusan diperoleh daripada Suruhanjaya Pilihan raya (Comission on Election) pada 27 Ogos 1998.

melabur di negara tersebut bagi tujuan pemulihran ekonomi. Untuk itu, bekas Presiden Ramos serta pihak gereja menyeru agar rakyat memberikan sokongan kepada Presiden yang baru (Daily Inquirer, 14 Ogos 1998).

Pengalaman Filipina membuktikan bahawa demokrasi boleh dihidupkan semula walaupun telah ‘mati’ hampir lima belas tahun semasa undang-undang regim tentera Marcos. Selepas kejatuhan Marcos, pilihan raya negara tersebut telah dikendalikan oleh sebuah badan bebas, iaitu *Commission on Election* dan membolehkan rakyat Filipina memilih pemimpin mereka secara demokrasi.

Kes 2. Pilihan raya Umum Kampuchea, Julai 1998

Kampuchea mempunyai penduduk seramai 11,163,861 dan merupakan salah sebuah negara di rantau ini yang politiknya tidak begitu stabil dan sentiasa berada dalam kancang perang saudara. Pada tahun 1975, Khmer Rouge telah berkuasa dan dalam tempoh empat tahun, kumpulan Komunis yang diketuai oleh Pol Pot membunuh 1.7 juta penduduk.

Tindakan ini bukan sahaja dilihat sebagai kejam serta dikutuk masyarakat antarabangsa, tetapi ia turut meruntuhkan negara tersebut.

Pada tahun 1979, Vietnam menewaskan Khmer Rouge dan pada tahun 1985, Hun Sen menjadi Perdana Menteri. Usaha mendamaikan negara tersebut dimulakan pada tahun 1991 dan puak-puak yang bertelagah telah menandatangani Perjanjian *Paris Peace Accord* pada Oktober 1991. Untuk melaksanakan butir-butir perjanjian tersebut, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menujuhkan *United Nation Transnational Authority in Cambodia* (UNTAC). Pada tahun 1993, pilihan raya umum diadakan di Kampuchea di bawah naungan PBB. Pilihan raya tersebut dimenangi oleh *National United Front for an Independent, Neutral, Peaceful and Cooperative Cambodia* (FUNCINPEC) dengan majoriti yang lemah. Ini memaksa FUNCINPEC berkongsi kuasa dengan *Cambodia People’s Party* (CPP) dan akhirnya Ranaridh (FUNCINPEC) menjadi Perdana Menteri bersama Hun Sen (CPP) (Asiaweek Dis. 1998).

Sebahagian besar (90 peratus) penduduk negara tersebut berbangsa Khmer dan 95 peratus daripada penduduk adalah beragama Buddha. Setelah berada di kancang peperangan begitu lama, pelbagai puak telah wujud. Ini sememangnya menyukarkan proses perdamaian. Pada masa yang sama, kewujudan pelbagai parti politik di negara tersebut menyukarkan lagi usaha untuk mewujudkan perpaduan dan kestabilan melainkan dengan cara berkongsi kuasa. Tetapi untuk berkongsi kuasa

bukanlah sesuatu yang mudah, terutama sekali bagi pihak yang pada suatu ketika pernah bermusuhan serta masing-masing mempunyai pengaruh dan pengikut sendiri.

Lebih menarik lagi ialah Kampuchea mengamalkan sistem monarki. Perlembagaan Kampuchea menghadkan kuasa raja dan menjadikan beliau sebagai simbol sahaja. Artikel I Perlembagaan Kampuchea dengan jelas menyatakan bahawa Raja tidak mempunyai kuasa eksekutif. '*Cambodia is a kingdom who shall rule according to the constitution and to the principles of liberal democracy and pluralism*'. Manakala kuasa eksekutif terletak di tangan Perdana Menteri dan kabinet beliau.

Gandingan Ranaridh dan Hun Sen sebagai Perdana Menteri bersama tidak berkekalan lama apabila Hun Sen melancarkan *coup d'état* pada 5-6 Julai 1997. Hun Sen mendakwa bahawa Ranaridh berusaha untuk berkuasa penuh dengan bantuan gerila Khmer Rouge Maoist. Rampasan kuasa tersebut membuatkan politik Kampuchea bergolak sekali lagi. Setelah berkuasa penuh, Hun Sen perlu membuktikan kepada masyarakat bahawa tindakan beliau adalah sah dan untuk mendapatkan pengesahan daripada rakyat, maka beliau bersedia untuk mengadakan pilihan raya.

Pilihan raya umum diadakan pada 26 Julai 1998 dan seramai 5,395,595 penduduk berpeluang mengundi. Pilihan raya tersebut begitu penting kepada kerajaan Hun Sen sebagai usaha mendapatkan pengiktirafan kuasa yang sah daripada rakyat negara tersebut dan juga masyarakat antarabangsa. Usaha kemasukan Kampuchea ke ASEAN terjejas dengan rampasan kuasa tersebut. Sebagai cara untuk mempermudahkan kemasukan negara itu ke dalam ASEAN, maka ia hendaklah membuktikan bahawa negara itu diperintah oleh kuasa yang sah.

Pemerhati dari luar turut dihantar untuk memastikan pilihan raya di negara tersebut diadakan dengan bebas dan adil. Sebanyak 39 buah parti politik bertanding merebut 122 kerusi di *National Assembly*. Perlembagaan Kampuchea menetapkan bahawa untuk membentuk kerajaan, sesebuah parti hendaklah memenangi sekurang-kurangnya 2/3 daripada jumlah kerusi, iaitu sebanyak 82 kerusi. Peratusan rakyat keluar mengundi ialah sebanyak 93.74%. Walaupun terdapat banyak parti yang bertanding, tetapi jelas bahawa pertarungan sengit dalam pilihan raya tersebut ialah di antara tiga buah parti utama, iaitu CPP, FUNCINPEC dan SRP (Sam Rainsy Party).

Dalam pilihan raya tersebut, CPP memenangi 64 kerusi, FUNCINPEC 43 kerusi dan SRP memenangi 15 kerusi. Keputusan pilihan raya tersebut juga membuktikan bahawa tidak ada mana-mana parti politik memperoleh 2/3 kerusi dan sekali lagi, ini mendesak kepada

perkongsian kuasa di antara sekurang-kurangnya dua buah parti. Ini membawa kepada kerajaan campuran antara CPP dengan FUNCINPEC iaitu Hun Sen menjadi Perdana Menteri dan Ranaridh menjadi ketua *National Assembly* (Asiaweek Dis. 1998).

Pihak pemerhati antarabangsa anjuran PBB, iaitu *Joint International Observation Group* (JIOG) menyatakan bahawa pilihan raya tersebut diadakan dengan bebas dan adil. Namun apa yang jelas, pilihan raya tersebut turut menyaksikan ramai nyawa terkorban. Menurut pihak tertentu, kerajaan Hun Sen dipertanggungjawab terhadap kematian mereka ini. Seorang pemimpin pembangkang, Sam Rainsy mendakwa bahawa pilihan raya tersebut tidak diadakan dengan adil dan banyak unsur penipuan serta perbuatan menakut-nakutkan pengundi dilakukan oleh parti pemerintah (Sunday Tribune, 26 Julai 1988).

Pilihan raya di Kampuchea ini membuktikan bahawa walaupun kerap berada dalam kancang perang saudara, namun usaha untuk mewujudkan demokrasi tetap ada. Namun demikian, masyarakat telah berpecah mengikut kelompok dan fahaman politik masing-masing sehingga menyebabkan tidak ada mana-mana pihak yang mampu membentuk kerajaan. Ini melahirkan situasi yang dinamakan oleh Lijphart (1969) sebagai *multiple balance of power* serta mendorong untuk membentuk kerajaan campuran ataupun gabungan parti-parti politik.

Kes 3. Pilihan raya Umum Indonesia, Jun 1999

Indonesia mencapai kemerdekaan pada tahun 1945 dan mempunyai penduduk seramai 194,956,000 orang iaitu 88 peratus daripada jumlah penduduk adalah beragama Islam. Indonesia merupakan negara keempat terbesar dari segi jumlah penduduk. Negara yang luas dan terdiri daripada 13,000 buah pulau serta 300 kumpulan etnik dan 365 bahasa tersebut diperintah menggunakan sistem unitari berdasarkan moto '*Bhinneka Tunggal Ika*' (*unity in diversity*) untuk membentuk satu bangsa Indonesia yang bersatu padu.

Pilihan raya di Indonesia pada akhir bulan Jun 1999 tidak kurang pentingnya dalam proses pendemokrasian di Asia Tenggara. Kali terakhir negara tersebut mengadakan pilihan raya bebas ialah pada tahun 1955. Sejak itu Indonesia diperintah secara autoritarian oleh Sukarno sehingga 1965 dan diikuti oleh pemerintahan Suharto sehingga 1998. Sebanyak enam pilihan raya diadakan semasa pemerintahan Suharto tetapi pilihan raya tersebut dikatakan kurang bebas dan dilaksanakan dalam keadaan yang mana keputusannya pasti akan memihak kepada parti pemerintah, iaitu Golongan Karya (GOLKAR).

Presiden Suharto yang berkuasa selama 32 tahun akhirnya meletak jawatan pada tahun 1998 atas desakan rakyat negara itu. Pada masa yang sama, negara tersebut turut dilanda kegawatan ekonomi dan timbul pelbagai bentuk masalah sosial yang lain seperti konflik etnik di Kalimantan dan juga rusuhan kaum di Jakarta. Perkembangan itu sudah tentu memberikan ruang kepada pelbagai pihak untuk mempersoalkan kemampuan moto *Bhinneka Tunggal Eka* kekal sebagai asas untuk menyatupadukan rakyat Indonesia. Wilayah-wilayah yang turut bergolak ialah Aceh, Ambon, Sumatera, Irian Jaya, Timor Timur dan konflik etnik di Kalimantan. Keadaan ini membuatkan Indonesia seolah-olah seperti wilayah Balkan yang bergelora disebabkan konflik etnik dan agama.

Rakyat Indonesia yang sudah muak dengan pemerintahan kuku besi selama ini mendesak pengganti Suharto, iaitu B.J Habibie, untuk membuka politik Indonesia serta memulihkan demokrasi agar wujud di negara tersebut. Sehubungan itu, pilihan raya umum telah dipilih sebagai jalan untuk memastikan bahawa negara tersebut betul-betul diperintah mengikut lunas-lunas demokrasi.

Akhirnya, setelah tertekan dengan kerajaan ala kuku besi begitu lama, rakyat Indonesia berpeluang untuk memilih kerajaan dan sekaligus menunaikan tanggungjawab memilih kerajaan seperti yang dituntut oleh demokrasi. Semasa dilanda krisis, Indonesia seolah-olah diambang perpecahan ibarat belah menunggu retak. Sebagai sebuah negara yang luas serta mempunyai jumlah penduduk yang ramai, Indonesia menggunakan pemerintahan unitari yang tidak banyak memberikan kelonggaran kepada pengekalan identiti di peringkat wilayah.

Sebaik sahaja kebebasan diberikan kepada rakyat, maka apa yang terpendam selama tiga puluh tahun mula dicetuskan walaupun dalam bentuk berlainan. Konflik etnik berlaku di antara orang Dayak dan Madura di Kalimantan dan menjadikan keadaan begitu tegang. Laungan menuntut kemerdekaan di wilayah Timor Timur semakin lantang dan perbalahan agama di wilayah seperti Aceh menjadi semakin meruncing. Pada bulan November 1998, berlaku pula konflik agama di Jakarta dan juga wilayah lain seperti Ambon apabila konflik Islam-Kristian tidak lagi dapat dikekang.⁶

⁶ Semasa pemerintahan Suharto ramai menteri dan juga pegawai tentera Kristian dilantik berkhidmat dan memegang jawatan penting. Keadaan yang sebaliknya berlaku semasa Habibie mengambil alih kuasa. Ini menyebabkan kumpulan Kristian merasakan diri mereka tidak selamat (<http://news.bbc.co.uk/>).

Sementara itu, sentimen perkauman anti-Cina pula begitu ketara semasa rusuhan pada bulan Mei 1998. Ratusan rakyat etnik Cina dibunuhi, dirompak, dirogol dan ini mendesak mereka untuk meninggalkan Indonesia dan berhijrah ke negara jiran. Sudah pasti pengalaman yang pahit ini tidak mudah dilupakan dan menjadi cabaran yang kuat kepada kerajaan baru Indonesia untuk meyakinkan orang-orang Cina tersebut untuk kembali ke negara tersebut. Walaupun hanya merupakan 2.8 peratus daripada jumlah penduduk Indonesia, tetapi mereka menguasai 70 peratus daripada ekonomi swasta negara itu.

Pada masa yang sama pihak tentera yang selama ini berdiri teguh di belakang Suharto serta mempunyai pengaruh yang kuat dalam pemerintahan tersebut mula merasakan kumpulan mereka kehilangan bisa. Tentera mempunyai kedudukan yang istimewa semasa pemerintahan Suharto serta mempunyai pengaruh dalam bidang politik dan juga perniagaan. Setelah Suharto meletak jawatan, rakyat Indonesia menuntut supaya kumpulan tentera memilih sama ada untuk memegang jawatan awam atau tentera. Misalnya, hampir separuh daripada Gabenor wilayah dan hampir 40 peratus daripada ketua daerah adalah pegawai tentera.

Peranan dwi fungsi yang dimainkan oleh Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) dilihat sebagai kurang sesuai. Dengan itu, pihak tentera didesak supaya berundur dan tidak lagi campur tangan dalam urusan politik Indonesia. Ini adalah satu tampanan hebat kepada ABRI kerana selama ini mereka memainkan peranan penting dalam memerdekakan Indonesia daripada penjajah pada tahun 1940-an. Pihak tentera dalam keadaan *vacuum* dan tidak lagi berupaya menentang kehendak berjuta-juta rakyat Indonesia yang menuntut agar penglibatan mereka dalam politik diberhentikan.

Dalam keadaan ekonomi yang lumpuh dan tidak terdaya untuk melonjak balik tanpa sebarang bantuan, Indonesia telah bersetuju untuk menerima bantuan daripada IMF. Salah satu daripada kehendak ataupun syarat yang dikenakan oleh IMF ialah supaya kerajaan lebih telus dan melakukan reformasi dalam politik serta lebih menghala kepada demokrasi.

Pilihan raya Indonesia diadakan dengan jayanya pada bulan Jun 1999. Pada peringkat awalnya, ramai pihak menjangkakan sesuatu yang buruk akan berlaku semasa pilihan raya. Anggapan ini berdasarkan keadaan negara yang begitu tegang serta rapuh dan diperkuuhkan lagi dengan tindakan rakyat Indonesia yang mula meninggalkan negara tersebut. Ramai rakyat Indonesia berhijrah ke negara jiran walaupun perpindahan tersebut bersifat sementara sahaja.

Jadual 6.1: Keputusan Pilihan raya 1999

Parti Politik	Jumlah undi	Peratusan	Kerusi
Indonesian Democratic Party of Struggle (PDI)	35,689,073	33.74	154
Partai Golkar (Golkar)	23,741,749	22.44	120
National Awakening Party (PKB)	13,336,982	12.61	51
United Development Party (PPP)	11,329,905	10.71	39
National Mandate Party (PAN)	7,528,956	7.12	35
Justice and Unity Party (PKP)	1,065,686	1.01	6
Indonesia Democratic Party (PDI)	655,052	0.62	3
Crescent Star Party (PBB)	2,049,708	1.94	2
People's Rule Party (OPDR)	427,854	0.40	2
Lain-Lain	9,961,696	9.35	50

Sumber: <http://www.ifes.org/eguide>

Sebanyak 48 parti politik bertanding untuk merebut 462 kerusi dalam pilihan raya umum tersebut. Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Indonesia mempunyai 500 ahli iaitu 462 kerusi dipertandingkan manakala 38 kerusi diperuntukan kepada tentera. Majlis Permusyawaranan Rakyat (MPR) terdiri daripada DPR dan seramai 200 ahli dilantik mewakili 27 wilayah (seramai 135 ahli) dan juga *Society Representative Group* (65 orang). Peratusan rakyat yang keluar mengundi dalam pilihan raya tersebut ialah sebanyak 93.30 peratus.

Jumlah kerusi yang diperoleh parti-parti politik yang bertanding mendesak pembentukan kerajaan campuran. Ini kerana tidak ada mana-mana parti politik yang memperoleh kerusi majoriti jelas. MPR yang bersidang pada bulan Oktober memilih Abdul Rahman Wahid (Gus Dur) sebagai Presiden. Dalam pemilihan tersebut, Gus Dur memperoleh 373 undi manakala Megawati memperoleh 313 undi. Seramai 14 orang tidak mengundi termasuk sembilan orang dari Timor Timur. Dalam pemilihan Timbalan Presiden, Megawati memperoleh 369 undi menewaskan Hamzah Haz yang memperoleh 284 undi. Perkara paling menarik dalam pemilihan tersebut ialah apabila pihak tentera dan BJ Habibie membuat keputusan untuk menarik diri.⁷

Sudah tentunya Presiden baru Indonesia akan berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran pemulihan ekonomi serta mendapatkan

⁷ Pada 14 Oktober 99 Habibie telah membuat ucapan *accountability speech* tetapi dikritik dengan hebatnya oleh pelbagai pihak dalam MPR. Sehubungan itu tindakan beliau yang menarik diri pada saat akhir adalah tidak memerlukannya (Asiaweek, Disember 1999).

keyakinan pelabur dari luar setelah lebih setahun berada dalam keadaan terumbang-ambing. Begitu juga dengan tugas berat untuk meyakinkan rakyat Indonesia bahawa kerajaan berupaya mencari jalan penyelesaian terhadap masalah atau krisis yang mereka hadapi pada masa ini.

Tuntutan untuk pemisahan dan kemerdekaaan wilayah merupakan cabaran yang amat besar bagi pemerintahan Indonesia yang baru. Tidak kurang pentingnya ialah cabaran daripada kumpulan Islam yang mengharapkan agar pemimpin baru menerapkan prinsip Islam dalam politik Indonesia yang dikatakan begitu sekular. Persoalan seperti apakah pemerintah baru Indonesia yang dihasilkan oleh proses demokrasi mampu mengekalkan pemerintahan demokrasi di negara tersebut untuk kesejahteraan rakyat?

Walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan dan cabaran, tetapi pejuang-pejuang demokrasi di Indonesia telah menempa kejayaan sehingga pilihan raya umum negara tersebut diadakan. Pada hari ini rakyat di Indonesia berpeluang semula untuk memilih pemimpin dan kerajaan dengan cara demokrasi. Apa yang boleh dipelajari daripada pengalaman Indonesia ialah, untuk membolehkan 'obor demokrasi' terus menyala sememangnya memerlukan pengorbanan.

Kes 4. Pilihan raya Umum Malaysia, November 1999

Politik di Malaysia turut menerima kesan daripada kegawatan ekonomi yang mula melanda negara pada tahun 1997. Krisis ekonomi tersebut diperhebatkan lagi dengan tercetusnya krisis kepimpinan negara. Penangkapan dan perbicaraan kes rasuah dan sodomi mantan Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Anwar Ibrahim telah mewarnai politik Malaysia. Penyokong-penyalokong beliau memperlihatkan perasaan marah dan kurang senang mereka terhadap pemerintah. Sehubungan itu, beberapa siri demonstrasi telah dibuat sebagai protes kepada tindakan kerajaan dan pihak polis berhubung perkara tersebut. Pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dijadikan sasaran untuk meraih simpati dan sokongan. Apa yang jelas, reformasi dan protes yang berlaku di Indonesia banyak mempengaruhi perkembangan politik di Malaysia.

Perkembangan politik dalam negara telah memberikan kesan negatif dan menjaskan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Tentangan terhadap Barisan Nasional (BN) bertambah hebat apabila sebuah parti baru diwujudkan, iaitu KeADILan, berdasarkan reformasi politik yang memperjuangkan kebebasan Anwar Ibrahim serta menuntut keadilan dan kebenaran. Lebih menarik lagi, parti-parti pembangkang membuat pakatan sesama mereka dikenali sebagai Barisan Alternatif (BA) serta bersatu tenaga sebagai persediaan untuk menentang BN dalam pilihan raya.

Malaysia mengadakan pilihan raya umum kali ke-10 pada 29 November 1999 semasa negara sedang menunjukkan tanda bahawa ekonomi bertambah pulih. Pilihan raya kali terakhir ialah pada tahun 1995 iaitu BN diberi mandat untuk kembali berkuasa. Sebelum pembubaran Dewan Rakyat, kerajaan BN telah membentangkan belanjawan negara yang banyak menjanjikan kebaikan untuk semua rakyat Malaysia pada tahun 2000. Namun, pembentangan belanjawan tersebut yang tidak sempat dibahaskan disifatkan sebagai 'belanjawan pilihan raya' oleh parti pembangkang. Tanggapan ini diperkuuhkan lagi oleh tindakan pembubaran Dewan Rakyat walaupun belanjawan tersebut belum sempat diluluskan.

Pilihan raya ini juga memperlihatkan pengaruh dan kesan ledakan teknologi maklumat di kalangan rakyat di Malaysia. Kewujudan media-media alternatif yang disebarluaskan melalui internet ataupun emel membolehkan rakyat mendapat berita yang lebih menyeluruh daripada kedua-dua pihak. Ini adalah satu kelebihan kepada parti-parti pembangkang yang tidak mempunyai peluang untuk menyuarakan pandangan mereka melalui media cetak dan media elektronik yang dikuasai oleh kerajaan. Langkah kerajaan yang ingin mengawal maklumat seumpama itu kurang berjaya dan media elektronik digunakan sepenuhnya oleh parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya tersebut.

Seramai 9.7 juta pengundi berdaftar berhak untuk mengundi dalam pilihan raya tersebut. Sebanyak 193 kerusi Dewan Rakyat dipertandingkan dan kesemua kerusi Dewan Undangan Negeri kecuali Sabah dan Sarawak.⁸ Walau bagaimanapun, peratusan rakyat yang keluar mengundi ialah hanya 72%. Keputusan pilihan raya memihak kepada BN yang berjaya memenangi 148 kerusi, iaitu lebih daripada 2/3 kerusi di Dewan Rakyat. Namun, jumlah undi yang diperoleh oleh BN (56.51 peratus)erosot jika dibandingkan dengan pilihan raya 1995 iaitu BN memperoleh sebanyak 65.14 peratus undi.

Apa yang jelas dalam pilihan raya tersebut ialah wujudnya perpecahan di kalangan pengundi-pengundi Melayu. Perkembangan ini sudah tentu membuatkan parti tungggak BN, iaitu UMNO, semakin gusar. Selain ramai tokoh UMNO yang ditewaskan, dua buah negeri di pantai timur, iaitu Terengganu dan Kelantan berjaya dikuasai oleh PAS. Kejayaan memenangi Terengganu menandakan bahawa PAS merupakan parti politik yang beroleh kejayaan besar di kalangan parti-parti politik dalam komponen parti-parti BA.

⁸ Sabah telah mengadakan pilihan raya umum pada bulan Mac 1999 manakala Sarawak akan mengadakan pilihan raya Dewan Undangan Negeri selewatnya-lewatnya pada tahun 2001.

Parti politik seperti PAS berjaya meraih lebih banyak kerusi dibandingkan dengan DAP yang terbukti semakin merosot sokongannya. Kekalahan dua pemimpin utama DAP iaitu Lim Kit Siang dan Karpal Singh, mengejutkan penyokong-penyokong DAP. Sementara itu, KeADILan berjaya memenangi lima kerusi parlimen serta berjaya meraih jumlah undi yang banyak di kalangan pengundi-pengundi Melayu. Ini merupakan kejayaan yang membanggakan parti tersebut kerana berjaya mencapai kemenangan walaupun baru ditubuhkan.

Kewujudan BA membuatkan pilihan raya umum Malaysia pada kali ini berbeza dan begitu menarik. Parti-parti politik yang bertanding begitu bebas untuk mengemukakan isu walaupun pengawalan media cetak serta media elektronik lebih memihak kepada parti kerajaan.⁹ Dalam pilihan raya tersebut, dapat diperhatikan bahawa media cetak dan elektronik lebih cenderung untuk memberikan sokongan kepada parti pemerintah. Perkara ini sering dipertikaikan oleh parti-parti pembangkang yang mendakwa bahawa media adalah tidak bebas dan tidak bersifat adil dalam membuat laporan. Ini menyebabkan pihak tertentu menyatakan bahawa kemenangan BN tidak memerlukan atas faktor 3M, iaitu, *Money, media and machinery*.¹⁰

Pada pilihan raya umum 1999, rakyat Malaysia telah berpeluang untuk memilih kerajaan secara demokrasi walaupun ada pendapat yang menyatakan bahawa pilihan raya tersebut tidak bebas dan lebih memihak kepada parti pemerintah, BN. BN yang memenangi pilihan raya tersebut meneruskan amalan perkongsian kuasa di antara elit-elit politik yang mewakili kaum-kaum tertentu melalui pembentukan kerajaan campuran.

Ini adalah hakikat bagi sebuah negara yang bersifat majmuk seperti Malaysia iaitu kuasa hendaklah dikongsi bersama antara kelompok yang pelbagai. Cara ini akan memberi peluang kepada setiap kaum serta mengurangkan anggapan yang mereka dipinggirkan untuk mengekalkan kestabilan negara.

Analisis Perbandingan

Pilihan raya di keempat-empat negara di Asia membuktikan bahawa sememangnya sistem pemerintahan dan kerajaan demokrasi masih diterima dan merupakan bentuk kerajaan yang ingin dikekalkan oleh rakyat. Dalam pada itu, badan yang bebas untuk mengendalikan pilihan

⁹ Parti pembangkang mengutuk media cetak yang memaparkan iklan yang menakut-nakutkan rakyat supaya rakyat terus memberikan sokongan kepada kerajaan yang sedia ada. Menurut mereka walaupun pilihan raya itu adil tetapi ia tidak bebas kerana rakyat berada dalam ancaman serta ketakutan.

¹⁰ Kenyataan oleh seorang pemimpin DAP yang disiarkan dalam Borneo Post, 1 Disember 1999.

raya adalah diperlukan seperti Suruhanjaya Pilihan raya di Malaysia, Commission on Election di Filipina, Komisi Pemilihan Umum di Indonesia dan National Election Committee (NEC) di Kampuchea. Kesemua Suruhanjaya Pilihan raya mempunyai fungsi yang sama, iaitu mengendalikan pilihan raya dengan bebas dan adil yakni keputusannya adalah sah serta dapat diterima oleh rakyat negara tersebut.

Pilihan raya di Filipina dilihat sebagai usaha untuk meneruskan pemerintahan demokrasi walaupun telah tergendala hampir 15 tahun pada zaman permerintahan Marcos. Rakyat Filipina tidak mempunyai banyak masalah untuk mengembalikan demokrasi kerana mereka pernah mempunyai pengalaman tersebut sebelum tahun 1970. Namun, pilihan raya 1998 tetap menjadi perhatian untuk mengetahui sama ada proses pendemokrasian akan tetap berjalan lancar.

Walau bagaimanapun, bagi mereka yang lahir semasa rejim Marcos, pemulihran demokrasi merupakan suatu pengalaman baru. Sebagai sebuah negara yang luas, mempunyai penduduk yang ramai serta taraf ekonomi yang rendah, maka cabaran utama ialah apakah demokrasi mampu bertahan ataupun adakah sistem tersebut boleh membebaskan Filipina daripada belenggu ekonomi yang dihadapi sekarang.

Kampuchea, sebuah negara yang politiknya sentiasa bergolak dan menyaksikan sebahagian besar daripada generasi baru negara tersebut dilahirkan dalam suasana perang, berjaya mengadakan pilihan raya serta menerima hakikat bahawa negara itu tidak mungkin diperintah oleh sebuah parti. Keadaan ini mendorong kepada pembentukan kerajaan campuran di kalangan dua buah parti politik, iaitu FUNCINPEC dan CPP. Kedua-dua parti tersebut mewakili kelompok yang berbeza walaupun mereka terdiri daripada bangsa yang sama, iaitu Khmer.

Kehadiran pemerhati antarabangsa menambahkan lagi keyakinan rakyat negara tersebut bahawa pilihan raya diadakan dengan adil dan aman. Cabaran utama Kampuchea ialah sejauh manakah kumpulan-kumpulan yang berlainan itu akan terus bekerjasama memerintah negara serta memastikan demokrasi akan sentiasa segar dan peristiwa rampasan kuasa tidak akan berulang lagi. Kemasukan Kampuchea ke dalam ASEAN sudah tentu akan memberikan kesan politik dan ekonomi yang lebih positif.

Indonesia pula walaupun telah lama merdeka daripada penjajah, tetapi sehingga tahun 1998, rakyat tidak diberi peluang untuk memilih pemimpin dengan cara yang bebas dan adil. Dalam erti kata lain, mereka hanya mengundi sebagai formaliti sahaja kerana hala tuju negara ditentukan oleh seorang pemimpin yang diktator, Suharto dan juga pihak tentera. Namun, setelah mendapat peluang untuk menghidupkan

semula demokrasi di negara tersebut, rakyat Indonesia telah mendesak supaya pilihan raya umum yang bebas dapat diadakan. Walaupun terdapat pihak yang mempertikaikan pengendalian dan keputusan pilihan raya tersebut, tetapi apa yang jelas ialah keputusan pilihan raya itu ‘diiktiraf’ oleh sebahagian besar daripada penduduk Indonesia. Sudah pasti kos untuk mengembalikan demokrasi di Indonesia begitu tinggi. Pada masa ini, terserah kepada pemimpin yang dipilih secara demokrasi untuk menggunakan mandat rakyat serta memastikan negara tersebut terus utuh.

Di Malaysia, kredibiliti kerajaan begitu tercabar selepas lahirnya reformasi ekoran tindakan dan layanan kerajaan yang didakwa sebagai tidak adil terhadap Anwar Ibrahim. Kegawatan ekonomi serta tindakan menolak segala bantuan dari luar merupakan usaha pemimpin negara untuk menyelesaikan masalah negara dengan cara tersendiri. Kritikan terhadap badan seperti kehakiman dan polis turut menggugat kredibiliti kerajaan yang sedia ada. Pilihan raya tersebut juga penting kerana ia dianggap sebagai kayu pengukur kepada BN terhadap dasar serta tindak tanduk yang dilakukan oleh pemimpin negara selama ini, khasnya dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Pilihan raya di Malaysia juga signifikan kerana ia menguji populariti kerajaan BN. Jelas bahawa dalam pilihan raya tersebut populariti BN di kalangan orang Melayu merosot. Selain kekalahan beberapa pemimpin UMNO, Terengganu turut berjaya ditawan oleh PAS. Sebaliknya ia memperlihatkan kumpulan bukan Melayu pula telah memberikan sokongan kepada BN.

Kesemua pemimpin negara Asia yang dibincangkan di atas telah pun dipilih melalui proses demokrasi. Mereka adalah pilihan rakyat. Selain Filipina, pemimpin-pemimpin yang lain tidak mempunyai had untuk memimpin negara dan mereka akan dinilai semula oleh rakyat dalam tempoh tertentu. Pada masa itulah populariti mereka akan diuji semula. Begitu juga dengan peralihan kuasa yang lancar daripada seorang pemimpin kepada yang lain. Pada masa yang sama, badan-badan yang mengendalikan pilihan raya telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik dan mengikut lunas-lunas demokrasi.

Persoalan seterusnya adalah sejauh manakah pemimpin yang dipilih secara demokratik itu mampu untuk membangunkan serta membawa perubahan kepada negara masing-masing. Lebih daripada itu, apakah pemilihan mereka secara demokratik dan juga kewujudan prasarana yang bercirikan demokrasi dapat menjamin kemakmuran serta kestabilan bagi sesebuah negara.

- Ateneo Centre for Social Policy and Public Affairs. 1992. *1992 and beyond: forces and issues in Philippines elections*. Philippines Centre for Investigative Journalism: Manila.

Forces and issues in Philippine elections. 1992. Philippine Center for Investigative Journalism: Manila.

Girling, J. 1998. Democratisation in Southeast and East Asia. *Pacific Affairs*. Vancouver.

Huntington, S. 1991. *The third wave: Democratisation in the late twentieth century*. Oklahoma: University of Oklahoma Press.

Jomo, K.S. 1998. *Tigers in trouble*. Zed Books Ltd: London.

Leuterio, F.C. 1998. *Philippine history and government*. St Agustine Publication: Manila.

Lijphart, A. 1969. *Consociational democracy*. World Politics.

Lingle, C. 1996. *Singapore's authoritarian capitalism*. Edicions Sirocco: Spain.

Khing, H.H. 1997. 'The Democratization process in Singapore'. Dlm. Laothamatas, A (ed.) 1997. *Democratisation in South East and East Asia*. Singapore: ISEAS.

Mahathir Mohamad. 1999. *A new deal for Asia*. Pelanduk Publications: Kuala Lumpur.

Nathan, G. 1999. Two cheers for 'Asian values'. *The national interest*. Washington.

Ohmae, K. 1995. *The end of the nation state*. Free Press.

Share, D. 1992. *Comparative Lessons From Spain's Democratic Transition*, Kertas Kerja dibentang di Institute Of Social Sciences, Seoul National University, Korea. November 20-21 1992.

Summy, R. 1996. *Politics Of Globalisation*. Social Alternatives. Jan 1996, vol. 15 Issue 1.

Sumber dari internet

- Commission on elections Republic of the Philippines.* <http://www.comelec.gov.ph>

The Cambridge Fact-Finder-Cambodia. <http://www.cnn.com/>

CNN-Election Watch-Cambodia. <http://cnn.com/WORLD/election.Watch/asiapcf/cambodia.html>.

Cambodia: Fair elections not possible. International Federation of Election Systems (IFES). <http://www.ifes.org/eguide/>

Facts about Indonesia. <http://www.prica.org/indonesia/general/fact.html>.

Ghali, B.B. 1996. *Agenda for Democratisation.* <http://www.library.yale.edu/un/Malaysia%20election%201999%20result.html>

Majalah dan akhbar

Asiaweek, Disember 1998
 Daily Inquirer, 30 Mac 1998
 Daily Inquirer, 14 Ogos 1998
 Sunday Tribune, 26 Julai 1998
 The Borneo Post, 2 Disember 1999

INDEKS

A

Abu Sayaff, 57
Abdul Mutalib, 44
Akta Imigresen 1959, 45
Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), 7, 18, 128
Akta Zon Ekonomi Ekslusif (ZEE), 57
Alexius Tocquerville, 4
Anderson, 72
Aristotle, 2, 8
ASEAN (*Association of South East Asian Nations*), 21, 28-29, 34-35, 88, 96, 100-111, 112-123, 126, 134, 136-140, 142, 144, 147-152
ARF (*ASEAN Regional Forum*), 148, 159
Anugerah Alam Sekitar, 129
Dasar tidak campur tangan, 151
Experts Group on the Environment (AEGE), 127
Keahlian, 149
Perjumpaan Menteri Alam Sekitar, 133
Perjumpaan Menteri Luar, 134
Program Alam Sekitar (ASEP), 127-128
Pegawai-pegawai Kanan Alam Sekitar (ASOEN), 128
TAC (*Treaty of Amity and Coorporation*), 147
Timor Timur, 34, 35, 142-152
ZOPFAN (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*), 28, 29, 148, 151

Asia Timur, 55
Athens, 2-4
Amerika Syarikat
 Dewan Senat, 5
 Dewan Perwakilan, 95

hubungan China, 153-154, 156-158
Presiden, 155
Strategi keselamatan, 155
Unipolar, 156
Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI), 91
Angkatan Laut Tentera Nasional Indonesia (AL-TNI), 58, 63
Apartheid, 24, 26
ASEAN *Regional Forum*, lihat ASEAN
Autonomi, 5, 144
Autoriti, 5
Authoritarian, 83

B

badan bukan kerajaan, 8, 17, 136-137
Bank Pembangunan Asia (ADB), 133
Barisan Nasional (BN), 14
 aman web, 14
Barisan Alternatif (BA), 14
Bario, Sarawak, 66, 69-74
Barr, 66
Bill Clinton, 155
B.J. Habibie, 142, 144
Britain
 Westminister, 4
Bruno Manser, 135

C

Check and balance, 9
China, 155-156
 Century of shame, 156
Hubungan Amerika Syarikat, 153-158,
 Middle Kingdom, 156, 160
Penaklukan wilayah, 156
 Pulau Hainan, 157

- O**
- One China Principle*, 161
 - Taiwan, 156
 - Clad, 138
 - Collins, 138
 - Confidence building*, 159
- D**
- Dadah, 60
 - Dana Alam Sekitar Sedunia (WWF), 131
 - Dato Tajol Rosli, 39
 - Defisit, 120
 - demos*, 2
 - Demokrasi, 1, 2
 - berparlimen, 4
 - Berpresiden, 4-5
 - Digital, 2, 5, 18
 - Internet, 2, 5, 7, 11, 15
 - Kumpulan pendesak, 16
 - Partisipasi, 8
 - Depo Tahanan PATI, 43
 - Dewan Rakyat, 15
 - Dewan Undangan Negeri Sarawak, 15
 - Diplomasi
 - apology*, 163
- E**
- e-dagang, 121
- F**
- FRETILIN, 143
- G**
- Globalisasi, 82, 113
 - Greek, 2
 - Grossman, 7
- H**
- Hauge, Belanda, 61
 - Hauge dan Loader, 6
 - H. Osman Rani, 40
- I**
- Iban, 136
 - imperialisme kehijauan, 128
 - Indeks Pencemaran Udara Malaysia (MPI), 131
 - Indonesia, 142, 150
 - Tentera Nasional Indonesia (TNI), 145
 - Internet, 2, 5-18
 - INTERFET, 146, 150-151
 - International Maritime Organization* (IMO), 61
 - International Monetary Fund (IMF)*, 81, 82, 91
 - Integrasi Ekonomi, 112-115
- J**
- Jabatan Alam Sekitar Malaysia, 132
 - Jabatan Imigresen, 39
 - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, 59
 - Jabatan Perhutanan Sarawak, 135
 - Jakarta Post*, 136
 - jalan tikus, 43, 48
 - jerebu, 126
 - Jurang digital, 67,
 - Jurang Kemiskinan, 67
 - Jawatankuasa Khas Persekutuan (JKP), 39
- K**
- K-ekonomi, 67
 - Kapitalisme kroni, 113
 - Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), 100-102, 104-111, 115-116, 118
 - Kawasan Perlburan (AIA), 114, 119
 - kawasan Maritim Negara, 54
 - kawasan luar bandar, 68
 - kaum imigran, 37
 - Keajaiban ekonomi, 81, 112, 123
 - kebakaran hutan, 130, 133
 - Kelabit, 71, 73

- Kepentingan Nasional, 22, 25
 Kepulauan Spartly, 56, 60
 Kementerian Dalam Negeri, 48
 Kementerian Pendidikan, 42
 kepadatan telefon, 70
 Kerjasama Industri ASEAN (AICO),
 114
 Kesatuan Eropah, 101, 105, 126
 Khmer Rouge, 29, 87
 Konflik etnik, 90
 Komando laut PASKAL, 64
 Konfrontasi, 63, 158
 Konvensyen Undang-undang Laut
 (KUUL), 54, 60
 Kofi Annan, 34, 143
 Koridor Raya Multimedia (MSC), 10,
 12
Kratos, 2
 Krisis,
 Krisis kewangan, 81, 114, 121,
 123, 125, 133
 Krisis Pueblo, 157
 Krisis Timor Timur, *lht.* Timor Timur
 Kumpulan pendesak, 16, 17
 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
 (KWSP), 41
- L**
 Laut China Selatan, 55
 Laut Sulu, 56
 Laut Sulawesi, 56
- M**
 Mahathir Mohamad, 29-32, 83, 128
 Dewan Negara, 4
 Dewan Perwakilan, 4
 Dewan Rakyat, 4
 Dewan Undangan Negeri, 4
 Malaysiakini, 12
 Marudi, 71
 Media
 Online, 10, 16
 Massa (cetak & elektronik), 11
- Middle Kingdom*, lihat China
 Miri, 73
 Morino Institut, 68
 Mohd Asri Abdullah, 41
 Montes, 133
- N**
 Najib Tun Razak, 134
 Nilai Asia, 82-83
 nilai sejagat, 83
- O**
 Operasi Nyah I dan Nyah II, 47
 Operasi Tuku, 47
 Organisasi Antarabangsa Balak
 Tropika (IITO), 135, 139
 Osilasi EL Nino (ENSO), 130
- P**
 Pantai Timur Sabah, 57
 Parlimen, 12, 13
 Eksekutif, 4, 7
 Kehakiman, 4, 7
 Online, 10
 Perundangan, 5, 7
 Pertelingkahan sempadan, 60
 Perlanggaran jet China, 156-158
 Pelaburan Langsung Asing (FDI), 118
 Pembangunan ICT, 66, 70
 Pembangunan Sosial, 68
 Pencerobohan Perairan Negara, 56
 Pencemaran Kawasan Maritim, 58-59
 Pendatang asing tanpa izin (PATI), 37,
 40-41, 45
 Pendekatan *participatory*, 73
 Perang Dingin, 28, 162
 Persidangan Stokholm, 127, 132
 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
 (PBB), 20-21, 27, 31, 35, 144-146
 *Conference on Environment and
 Development* (UNCED), 128
 INTERFET, 146, 150-151
 Majlis Keselamatan, 33, 143

- P**
- Program Alam Sekitar (UNEP), 127
 - Timor Timur, 144-145
 - UNAMET, 144-154
 - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), 41
 - Pertumbuhan Segi tiga, IMT-GT, 63
SIJORI, 63
 - Perang Dingin, 28, 153-159, 163
 - PETRONAS, 55
 - Plato, 8
 - Pol Pot, 29
 - Politik wang, 7
 - Politik online, 13
 - Pontianak, Kalimantan, 44
 - Power vacuum*, 154
 - Pulau Hainan, *lht.* China
 - Putrajaya, 10
 - Presiden
 - Bush, 158-160
 - Jiang Zemin, 158-160
 - Taiwan, 160
 - Projek e-Bario, 74
 - Program Pemutihan, 41, 46
- T**
- Taiwan, 157-158, 160, 162
 - Taman Negara Batuang Kariman, 135-136
 - tekong darat, 42
 - tekong laut, 57
 - Telekom Malaysia, 71
 - Teori Utopia, 7
 - Thomas Jefferson, 4
 - Timor Timur, 143-144
 - Treaty of Amity and Cooperation, lht.* ASEAN
 - Tentera Nasional Indonesia, *lht.* Indonesia
 - Top-down approach*, 72, 137
 - Twin Otter*, 72
- U**
- UNIMAS, 69
 - UNAMET, 144, 145, 146
- V**
- VHF (*Very High Frequency*) radio, 71
 - Victor, 134
 - VSAT, 71
- R**
- Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), 38
 - Rancangan Malaysia Ke-8, 64
- S**
- Selat Gibraltar, 55
 - Selat Melaka, 55
 - Santuari Hidupan Liar Lanjak Entimau, 135-136
 - Sistem Kawalan Laut (SKL), 62
 - Soft power*, 161
 - strategic partnership*, 158
 - strategic competitive*, 158
 - Suruhanjaya Pilihan Raya, 14
- W**
- Weapon of Mass Destruction* (WMD), 161
- Y**
- Yang di-Pertuan Agong, 4
- Z**
- Zon Ekonomi Ekslusif (ZEE), 57, 63-64
 - Zulkifli Osman, 40

Perkembangan Politik – Ekonomi Di Malaysia Dan Asia Timur

Buku ini mengandungi sebelas artikel yang telah dihasilkan oleh pensyarah dari Kumpulan Teras Politik dan Kajian Antarabangsa, Universiti Malaysia Sarawak. Artikel-artikel yang terkandung di dalam buku ini merupakan himpunan artikel-artikel yang telah dibentangkan dalam dua seminar dalaman yang bertajuk Politik Malaysia dan Isu-isu Serantau yang diadakan pada tahun 1999 dan 2001.

Kandungan buku ini dibahagikan kepada dua bahagian yang utama. Bahagian pertama membicarakan topik yang menyentuh perkembangan politik dalam era digital serta beberapa perkembangan dalam dasar awam negara termasuk dasar luar, dasar terhadap pendatang asing tanpa izin, dasar terhadap maritim negara dan usaha kerajaan untuk memperkembangkan pembangunan ICT kepada masyarakat luar bandar di Malaysia. Manakala bahagian kedua pula membincangkan perkembangan ekonomi yang berlaku di rantau ASEAN dan Asia Timur.

Buku ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan berguna kepada para pensyarah dan pelajar dalam bidang Sains Politik, Sains Dasar dan Kajian Antarabangsa, dan orang awam yang berminat untuk mengetahui perkembangan politik dan ekonomi di Malaysia dan Asia Timur.

AHMAD NIZAR YAAKUB dilahirkan pada 8 Oktober 1968 di Kuala Lumpur. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Sains Politik) dari Universiti Flinders, Australia pada tahun 1994. Selanjutnya beliau menyambung pelajaran ke Waikato Universiti, New Zealand dan memperoleh Ijazah Sarjana Sains Sosial (Hubungan Antarabangsa) pada tahun 1997. Pada tahun 1998 beliau telah mengikuti kursus jangka pendek selama dua bulan dalam Politik di Amerika Syarikat atas biaya '*United States Information Agency*' (USIA-SIUC di Washington D.C.). Beliau aktif dalam penulisan mengenai politik, ekonomi dan isu hubungan antarabangsa semasa. Kini, beliau bertugas sebagai Pensyarah di Fakulti Sains Sosial, Unimas.

MOHD FAISAL SYAM ABDOL HAZIS dilahirkan pada 8 Julai 1974 di Kuching, Sarawak. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Sains Politik) daripada University of Oregon pada tahun 1997. Selanjutnya, Beliau mendapat Ijazah Sarjana (Sains Politik) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1999. Pernah menghasilkan buku bertajuk *Tingkah Laku Pengundian Dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak* pada tahun 2002 bersama Neilson Ilan Mersat dan Ahì Sarok. Kini beliau bertugas sebagai Ketua Program Politik & Pemerintahan, Fakulti Sains Sosial, Unimas.

AHI SAROK dilahirkan di Kampung Mambong, Kuching, Sarawak. Mendapat pendidikan awal di SMK Penrisen No. 1, Kuching. Beliau memperoleh Diploma Pentadbiran Awam dari UiTM Sabah pada tahun 1983 dan Sarjana Muda Pentadbiran Awam dengan Kepujian Kelas Dua Atas daripada Universiti Utara Malaysia pada tahun 1993. Selanjutnya, beliau mendapat Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam daripada University of Queensland pada tahun 1997. Beliau bertugas sebagai Pensyarah Program Politik dan Pemerintahan, Fakulti Sains Sosial. Pada tahun 2002, beliau menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Setahun berikutnya, sempena menyambut perayaan Jubli Delima, beliau telah dianugerah pingat kebesaran, Bentara Bintang Sarawak (BBS), oleh Kerajaan Negeri Sarawak, atas jasa dan sumbangan beliau yang bergiat aktif dalam beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

ISBN 983-9257-12-9



9 789839 257120